

HUBUNGAN KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN BILIK DARJAH GURU DENGAN MOTIVASI PELAJAR

HAERANA BINTI ABDUL AZIZ

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

MEI 2014



**HAERANA BINTI ABDUL AZIZ
MT1212361T**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **HUBUNGAN KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN BILIK DARJAH GURU DENGAN MOTIVASI PELAJAR**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **HAERANA BINTI ABDUL AZIZ**

SESI PENGAJIAN : **2012 – 2014**

Mengakui membenarkan tesis (LPSM / Sarjana / Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/).

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

/

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh ;

(**HAERANA BINTI ABDUL AZIZ**)

Alamat Tetap:

(**DR.HAJI ABDUL SAID AMBOTANG**)

Tarikh : 12 Julai 2014

Tarikh :

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD. ** Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGESAHAN

NAMA : HAERANA BINTI ABDUL AZIZ

NO MATRIK : MT1212361T

**TAJUK : HUBUNGAN KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN
BILIK DARJAH GURU DENGAN MOTIVASI
PELAJAR**

IJAZAH : SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH ;

.....
(DR. ABDUL SAID BIN AMBOTANG)
PENYELIA DISERTASI

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya maka kajian yang bertajuk " Hubungan Kepimpinan Dan Pengurusan Bilik Darjah Guru Dengan Motivasi Pelajar " telah dapat dilaksanakan.

Di kesempatan ini, terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Abdul Said Bin Ambotang, Pensyarah SPPS UMS selaku penyelia disertasi yang telah banyak membimbing, memberi pandangan dan saranan serta semangat untuk menjalankan kajian ini.

Ucapan sekalung budi ini turut dirakamkan kepada semua pensyarah yang turut menyumbang idea dan saranan dalam kajian ini, sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah, cawangan Tawau. Rakaman sekalung budi ini turut diucapkan kepada Pejabat Pelajaran Tawau yang turut komited dalam memberikan kerjasama. Selain itu, kepada semua pelajar yang sudi meluangkan masa dalam proses pengendalian soal selidik dengan memberikan respon yang sangat baik, terlebih dahulu diucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Kepada sahabat-sahabat di setiap sekolah kajian yang telah berusaha membantu sedaya upaya sangat dihargai. Juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa turut berkolaborasi dalam memberi sumbangan tenaga, idea serta sokongan moral yang tidak berbelah bagi akan pasti menjadi ingatan selagi hayat dikandung badan.

Akhir sekali penghargaan istimewa buat ibunda saya Hajah Aminah Binti Hemma dan kakanda Puan Nuraeny Bin Abdul Aziz sekeluarga yang telah

banyak berkorban dan mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga kepada ayahanda tercinta Abdul Aziz Bin Semma yang telah pergi buat selama-lamanya dan tidak sempat menikmati kejayaan ini bersama, semoga rohnya dicucuri rahmat. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas budi dan kebaikan kalian.

Haerana Binti Abdul Aziz
30 Mei 2014



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat hubungan kepimpinan dan pengurusan bilik darjah guru dengan motivasi pelajar. Kajian ini turut mengkaji perbezaan tahap motivasi pelajar mengikut jantina. Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Ujian korelasi Pearson 'r' digunakan untuk menentukan kesignifikan dan kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas kepimpinan dan pengurusan bilik darjah dengan pembolehubah bersandar motivasi pelajar. Ujian-*t* pula digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pelajar mengikut jantina. Instrument yang digunakan ialah soal selidik. Populasi dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan dua sekolah menengah daerah Tawau dan sampel kajian seramai 400 pelajar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Sosial Science*) versi 17.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap motivasi pelajar mengikut jantina ($p=.02$, $p<.01$). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan yang dominan diamalkan di sekolah dengan motivasi pelajar ($r=.161$, $p<.01$). Terdapat hubungan yang signifikan kepimpinan guru dengan motivasi pelajar ($r=.257$, $p<.01$). Terdapat hubungan yang signifikan pengurusan bilik darjah dengan motivasi pelajar ($r=.368$, $p<.01$) dan juga terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan dan pengurusan bilik darjah dengan motivasi pelajar ($r=.360$, $p<.01$). Akhir sekali, dicadangkan kajian lanjutan yang berkaitan dengan kepimpinan dan pengurusan bilik darjah, dari segi meluaskan bidang kajian dan juga menambah bilangan populasi dan sampel.

Kata Kunci : Kepimpinan guru, pengurusan bilik darjah dan motivasi pelajar

ABSTRACT
**THE RELATION BETWEEN TEACHER LEADERSHIP AND CLASSROOM
MANAGEMENT WITH STUDENTS MOTIVATION**

This research had been conduct to examine the relation of teacher leadership and classroom management with the students' motivation. This research also study the difference of students' motivation level based on gender. This research is a quantitative research. The correlation Pearson 'Y' tests had been used to determine the significance and strength between the relation among independence variable of leadership and classroom management with dependent variable which is the students motivation. While t-test had been used to determine whether there is a significance of difference among the students motivation based on the gender. The instrument that had been used is survey. The populations on this research are taken from form two students in the secondary school in Tawau and the research sample are 400 students. The data from the survey are been analyze by using the SPSS (Statistical Package for Social Science) program version 17.0. Findings from the research show that there are differences of students' motivation based on gender ($p=.02$, $p<.01$). The findings also shows that there is significance of relation among the most domain teacher leadership that are been practice at school with the students' motivation ($r=.161$, $p<.01$). There is a significance relation between teacher leadership with the students' motivation ($r=.257$, $p<.01$). There is a significance relation of classroom management with the students' motivation ($r=.368$, $p<.01$) and also there is a significance relation between leadership and classroom management with the students' motivation ($r=.360$, $p<.01$). Lastly, further research are been suggested on leadership and classroom management to enhance the research scoop and to increase the population and sample.

Key Words : Teacher leadership, classroom management and students motivation

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN STATUS TESIS	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
<i>ABSTRACT</i>	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI JADUAL	xvi
BAB 1: PENGENALAN KAJIAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Soalan Kajian	8
1.7 Hipotesis Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Batasan Kajian	10
1.10 Definisi Operasional	10
1.11 Kesimpulan	11

BAB 2 :	TINJAUAN LITERATUR	12
2.0	Pendahuluan	12
2.1	Definisi Konseptual	12
2.1.1	Gaya Kepimpinan	12
2.1.2	Kepimpinan Mengarah	13
2.1.3	Kepimpinan Menyokong	13
2.1.4	Kepimpinan Penyertaan	14
2.1.5	Kepimpinan Berorientasikan Pencapaian	14
2.1.6	Pengurusan Bilik Darjah	14
2.1.7	Motivasi	15
2.2	Teori Kajian	16
2.2.1	Teori Kepimpinan	16
a)	Teori Perhubungan Manusia	17
b)	Teori Kepimpinan laluan Matlamat	18
c)	Teori Perlakuan	22
2.2.2	Teori Dan Model Pengurusan Disiplin	24
a)	Model Akibat Logikal Dreikurs	24
b)	Model Pengurusan Kelompok Kounin	24
c)	Model Organisasi Berkesan	26
d)	Model Disiplin Asertif Center	26
2.2.3	Implikasi Teori Dan Model Terhadap Kajian	27
2.2.4	Teori Motivasi Maslow	28
2.3	Model Kajian	31
2.3.1	Model Kajian Laluan Matlamat	31
2.4	Kajian-Kajian Lepas	35
2.4.1	Kajian Lepas Dalam Negeri	36
2.4.2	Kajian Lepas Luar Negara	38

2.5	Hubungan Antara Variabel Kepimpinan Dan Pengurusan Bilik Darjah Guru dengan Motivasi Pelajar	39
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	39
2.7	Kesimpulan	41

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN 42

3.1	Pendahuluan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.3	Lokasi Kajian	43
3.4	Populasi Kajian	43
3.5	Reka Bentuk Alat Penyelidikan	45
3.6	Format Soal Selidik	45
3.7	Instrumen Kajian	46
3.8	Kajian Rintis	49
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian	51
3.10	Hasil Kajian Rintis	52
3.11	Prosedur dan Takwim Pelaksanaan Kajian	56
3.12	Analisis Data	58
3.13	Kesimpulan	61

BAB 4: DAPATAN KAJIAN 63

4.1	Pendahuluan	63
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	64
4.3	Ciri-Ciri Demografi Responden	64
4.4	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Item Soal Selidik	66
4.4.1	Kepimpinan Guru	

4.4.2	Pengurusan Bilik Darjah	
4.4.3	Motivasi Pelajar	
4.5	Analisis Soalan Dan Hipotesis Kajian	71
4.5.1	Soalan Kajian 1: Apakah Perbezaan Tahap Motivasi Pelajar Mengikut Jantina?	71
4.5.2	Soalan Kajian 2 : Apakah Gaya Kepimpinan Guru yang Paling Dominan Diamalkan Di Sekolah?	73
4.5.3	Soalan Kajian 3: Apakah Hubungan Gaya Kepimpinan Yang Paling Dominan dengan Motivasi Pelajar?	74
4.5.4	Apakah Hubungan Kepimpinan Guru Dengan Motivasi Pelajar?	75
4.5.5	Apakah Hubungan Pengurusan Bilik Darjah Guru Dengan Motivasi Pelajar?	77
4.5.6	Apakah Hubungan Kepimpinan dan Pengurusan Bilik Darjah Guru Dengan Motivasi Pelajar?	79
4.6	Rumusan Keputusan Analisis Hipotesis Kajian	80
4.7	Kesimpulan	82

BAB 5:	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN DAPATAN KAJIAN	83
---------------	--	-----------

5.1	Pendahuluan	83
5.2	Pendekatan Kajian	83
5.3	Rumusan	84

5.3.1	Perbezaan Tahap Motivasi Pelajar Mengikut Jantina.	84
5.3.2	Gaya Kepimpinan Guru Yang Paling Dominan Diamalkan Di Sekolah.	85
5.3.3	Hubungan Kepimpinan Guru Yang Paling Dominan Dengan Tahap Motivasi Pelajar.	86
5.3.4	Hubungan Kepimpinan Guru Dengan Motivasi Pelajar.	87
5.3.5	Hubungan Pengurusan Bilik Darjah Dengan Motivasi Pelajar.	88
5.3.6	Hubungan Kepimpinan Dan Pengurusan Bilik Darjah Dengan Motivasi Pelajar.	89
5.4	Implikasi Kajian	90
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori Dan Model	90
a)	Kepimpinan Guru	91
b)	Pengurusan Bilik Darjah	93
c)	Motivasi Pelajar	94
5.5	Cadangan Hasil Kajian	94
5.5.1	Penambahbaikan Gaya Kepimpinan Guru	94
5.5.2	Penambahbaikan Pengurusan Bilik Darjah	95
5.5.3	Penambahbaikan Motivasi Pelajar	96
5.6	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	97
5.6.1	Meluaskan Bidang Kajian	97
5.6.2	Menambah Populasi Dan Sampel Kajian	98
5.7	Penutup	98

BIBLIOGRAFI

100

LAMPIRAN

Lampiran A	Soal Selidik	107
Lampiran B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (KPM)	113
Lampiran C	Data Analisis SPSS	114



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pelajaran Tinggi
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SPI	Surat Pekeliling
SPSS	Statistical Package of Social Science



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Hubungan Teori Laluan Matlamat Dengan Pembolehubah Bersandar	22
Rajah 2.2	Hubungan pembolehubah Bersandar dengan Model Pengurusan Disiplin	28
Rajah 2.3	Susunan Keperluan Maslow	29
Rajah 2.4	Model Teori Laluan Matlamat	31
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian	40
Rajah 4.1	Peratus Jantina dalam Kajian	65

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan, 1970	44
Jadual 3.2	Persampelan Kajian	45
Jadual 3.3	Item Persepsi Pelajar Terhadap Gaya Kepimpinan Guru	47
Jadual 3.4	Skala Likert Lima Point	48
Jadual 3.5	Item Pengurusan Bilik Darjah	48
Jadual 3.6	Skala Likert Lima Point	48
Jadual 3.7	Item Motivasi Pencapaian Pelajar Berdasarkan Persepsi Pelajar	49
Jadual 3.8	Skala LIkert Lima Point Bagi Pernyataan Positif dan Negatif	49
Jadual 3.9	Jantina, Bilangan dan Peratus Penglibatan Responden dalam Kajian Rintis	50
Jadual 3.10	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian	52
Jadual 3.11	Nilai Alpha Cronbach Mengikut Item Kepimpinan	53
Jadual 3.12	Nilai Alpha Cronbach Mengikut Item Pengurusan Bilik Darjah	54
Jadual 3.13	Nilai Alpha Cronbach Mengikut Item Motivasi Pelajar	55
Jadual 3.14	Takwim Dan Perancangan	57
Jadual 3.15	Analisis Tahap Mengikut Min	58
Jadual 3.16	Hipotesis Kajian, Jenis Pengukur Pembolehubah dan Jenis Analisis Statistik	59
Jadual 3.17	Indeks Pekali Kolerasi Pearson	61
Jadual 4.1	Pekali Alpha Cronbach Kajian Rintis Dan Kajian Sebenar	64

Jadual 4.2	Taburan Pengagihan Soal Selidik	65
Jadual 4.3	Min dan Sisihan Piawai Item Soal Selidik Kepimpinan Guru	66
Jadual 4.4	Min Dan Sisihan Piawai Item Soal Selidik Pengurusan Bilik Darjah Guru	68
Jadual 4.5	Min dan Sisihan Piawai Item Soal Selidik Motivasi Pelajar	69
Jadual 4.6	Min Perbezaan Motivasi Pelajar Mengikut Jantina	71
Jadual 4.7	Ujian-t Perbezaan Motivasi Berdasarkan Jantina	72
Jadual 4.8	Min dan Sisihan Piawai Gaya Kepimpinan Guru	73
Jadual 4.9	Perbezaan Min Gaya Kepimpinan Menyokong dengan Motivasi Pelajar	74
Jadual 4.10	Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Menyokong dengan Motivasi Pelajar	75
Jadual 4.11	Perbezaan Min Kepimpinan Guru dengan Motivasi Pelajar	75
Jadual 4.12	Hubungan Antara Kepimpinan Guru dengan Motivasi Pelajar	76
Jadual 4.13	Perbezaan Min Pengurusan Bilik Darjah Guru dengan Motivasi Pelajar	77
Jadual 4.14	Hubungan Antara Pengurusan Bilik Darjah Guru dengan Motivasi Pelajar	78
Jadual 4.15	Perbezaan Min Kepimpinan dan Pengurusan Bilik Darjah Guru dengan Motivasi Pelajar	79
Jadual 4.16	Hubungan Antara Kepimpinan Dan Pengurusan Bilik Darjah Guru Dengan Motivasi Pelajar	80
Jadual 4.17	Ringkasan Dapatan Kajian	81

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pendidikan adalah sangat penting bagi seseorang yang bergelar manusia. Manusia yang tidak mempunyai pendidikan adalah manusia yang sangat rugi dan akan dipandang hina oleh masyarakat. Oleh itu, sebagai negara yang ingin membangun perlulah mempunyai rakyat yang berpendidikan. Malaysia adalah salah satu negara yang memberi penekanan kepada pendidikan. Banyak usaha telah dilaksanakan agar sistem pendidikan di negara ini adalah sistem pendidikan yang terbaik di dunia. Salah satu usaha adalah memperkenalkan Falsafah Pendidikan Negara bertujuan untuk menjadi panduan kepada semua warga pendidik agar matlamat pendidikan negara berada pada landasan yang betul. Dengan adanya panduan ini pendidik boleh melahirkan masyarakat yang berkualiti untuk negara.

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara”

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006)

Falsafah Pendidikan Negara merupakan tunjang dan teras kepada sistem pendidikan di Malaysia. Segala perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan merupakan hasil dari nilai-nilai serta prinsip yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Perubahan yang dilaksanakan oleh kementerian pendidikan dari

segi pemikiran dan hala tuju sama ada tersurat atau tersirat semua adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan negara.

Profesion perguruan adalah satu profesion yang sangat mencabar. Profesion perguruan memerlukan kegigihan dan minat yang mendalam bagi seseorang yang ingin meneruskan karier dalam bidang ini. Setiap tahun, institusi pengajian tinggi dan Institut Perguruan menerima sejumlah permohonan yang melebihi kuota yang dikehendaki. Apakah mereka ini benar-benar berminat untuk menjadi guru? Apakah mereka membuat pilihan secara ikhlas atau terpaksa misalnya kerana mereka tidak layak mengikuti program lain? Sekiranya perkara ini berlaku. Maka selagi itulah terdapat kepincangan dalam sistem pendidikan kita.

Seorang guru yang menghayati secara mendalam Falsafah Pendidikan Negara akan mendapati bahawa tugas utama seorang guru adalah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Ini bermakna seorang guru boleh memberi impak yang sangat besar kepada generasi masyarakat dan negara. Guru juga mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal pelajar. Oleh itu, seorang guru harapan bangsa perlu mencari asas yang sesuai terhadap kepimpinan dan pengurusan bilik darjah agar pembelajaran yang efisien dapat dihasilkan.

1.2. Latar Belakang Kajian

Menurut Gay (1992), latar belakang kajian merupakan maklumat-maklumat berkaitan yang diperlukan untuk membantu kefahaman tentang masalah kajian. Dalam kajian ini, pengkaji bermula dari peringkat paling umum tetapi penting untuk difahami iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Guru diletakkan tanggungjawab sebagai perancang, pengurus, pemimpin, pemudah cara dan agen pembaharuan kepada membentuk pelajar-pelajarnya menjadi insan yang seimbang. Peranan dan tanggungjawab guru sebagai agen pembaharuan dan pembentukan insan yang

berakhlak mulia dilihat melalui pengajaran dan pembelajarannya di dalam bilik darjah (Abdul Ghani, 2005).

Berdasarkan kepada SPI Bil.4, 1986, menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran dan pembelajaran membawa pengaruh yang besar kepada pelajaranya. Kejayaan para pelajar dalam pembelajaran dan motivasi serta minat mereka terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajari mempunyai hubungan rapat dengan kebolehan dan keberkesanan guru yang mengajar.

Menurut Juriah Long (1999), kegagalan guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mengundang kepada masalah tingkah laku pelajar seperti tidur semasa belajar, ponteng kelas, tidak menyiapkan tugas dan juga masalah percakapan.

Kegagalan menyampaikan pengajaran dengan berkesan disebabkan beberapa faktor seperti kaedah pengajaran yang dipilih tidak sesuai dengan keperluan dan keupayaan pelajar dan aktiviti yang dilaksanakan tidak berkait rapat dengan pengalaman dan pengetahuan pelajar. Oleh itu, wujud kebosanan dalam kalangan pelajar semasa pengajaran guru (Abdullah Sani, 2007). Situasi ini disokong oleh kajian Ken Reid (2006) yang mendapati punca ketidakhadiran pelajar ke sekolah adalah faktor kebosanan dengan pengajaran guru.

Choong (2009), memberi pendapatnya bahawa kegagalan guru menyediakan bahan resos dan membuat perancangan yang rapi di dalam pengajarannya mengakibatkan murid-murid hilang minat. Apabila minat mereka yang gagal dikekalkan sepanjang sesi pengajaran, mereka akan mereka cipta cara-cara negatif yang berbentuk kesalahan ringan untuk menghiburkan hati mereka. Kesalahan ringan dikategorikan sebagai kesalahan salahlaku biasa kali ketiga seperti bermain, minum atau makan dalam bilik darjah, tidak mematuhi arahan disiplin, lewat masuk kelas dan sekolah, menggunakan alat, memasuki makmal, keluar bilik tanpa kebenaran, mengganggu murid, guru, kelas, pengajaran-pembelajaran, tidak membuat kerja rumah dan memberi perhatian (Ibrahim Mamat, 2001).

Menurut kajian Azizah (2002), pelajar tidak mendapat menguasai pembelajaran dan merasa tertekan mengambil jalan keluar dengan melibatkan diri dalam vandalisme dan ponteng sekolah. Pelajar tidak dapat menguasai pembelajaran disebabkan kegagalan komunikasi berkesan yang dapat memudahkan pemahaman dan menggalakkan pembelajaran pelajar semasa proses pengajaran guru. Perbuatan ponteng kelas dan tidak mementingkan masa merupakan jalan yang dipilih untuk menghilangkan tekanan yang dialami (Ibrahim Mamat, 2001).

Faktor guru yang melibatkan kes kecuaiannya semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti Kes Mohamed Raihan Bin Ibrahim dan Anor Vs Government Of Malaysia dan Ors yang melibatkan pelajar mengalami kecederaan di kepala semasa kelas amali Sains Pertanian. Isunya, guru tidak memberi arahan tentang posisi pelajar yang betul semasa menjalankan aktiviti. Guru tidak menyelia dan memerhatikan pelajar sebaliknya duduk di bawah pokok dan memandang pada arah yang bertentangan (Kes dicatat ,15 Mac 1971).

Menurut Choong (2009) lagi, kegagalan guru mengurus tadbir bilik darjah mewujudkan suasana yang tidak kondusif dan menyumbang kepada kegagalan dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kesannya, pelajar akan melakukan perbuatan yang melanggar peraturan dan prosedur bilik darjah. Misalnya, bangun dari tempat duduk tanpa kebenaran, membaca atau melakukan aktiviti lain semasa guru mengajar, menghantar nota, makan, membuang kertas merata-rata dan bercakap tanpa berhenti semasa kerja individu. Oleh itu, guru gagal mengawal tingkah laku pelajar dengan pematuhan pada peraturan dan kegagalan pelajar memberi tumpuan terhadap pelajaran (Goh, 2005).

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang kajian yang telah membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan kegagalan memimpin dan juga mengurus bilik darjah memberi kesan kepada motivasi pelajar dari segi perlakuan positif, disiplin dan kehadiran pelajar. Keberkesanan kepimpinan dan pengurusan bilik darjah guru memerlukan kemahiran dan kualiti peribadi guru untuk meningkatkan motivasi pelajar dan seterusnya

menghasilkan pengajaran berkualiti. Sebagai pemimpin dan pengurus bilik darjah, guru kurang menguasai lima komponen yang perlu ada dalam pengajaran dan pembelajaran guru iaitu merancang, melaksana, menilai, mengurus bilik darjah dan berwatakan guru.

Guru harus menerima hakikat bahawa pelajar yang tidak bermotivasi sama ada semasa belajar atau tidak berpunca dari guru itu sendiri. Pernyataan ini di sokong oleh Stipek (1996) dalam kajiannya menyatakan bahawa semua perkara yang dilakukan oleh guru di kelas sebenarnya mempunyai impak kepada motivasi pelajar. Bukan sahaja yang berkaitan dengan tindakan motivasi yang biasa seperti menentukan matlamat dan memberi ganjaran kepada pencapaian yang baik tetapi meliputi semua aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran. Sebagai contoh pembentukan kumpulan pelajar, teknik menyoal dan usaha guru menguruskan kelas serta menangani disiplin kelas.

Kegiatan jenayah seperti membawa senjata berbahaya ke dalam kelas, perbuatan lucah seperti bercumbuan, membawa bahan lucah serta mengeluarkan kata-kata lucah dan melakukan vandalisma iaitu merosakkan harta benda sekolah seperti meja dan kerusi di dalam bilik darjah adalah kesalahan berat. Ini dapat dibuktikan dengan 1.74 peratus daripada 5.5 juta pelajar sekolah di negara ini terlibat dengan masalah disiplin pada tahun 2005 dan kementerian memandang serius perkara ini (Berita Harian, 15 April 2006)

Melalui komponen penilaian menurut Abdul Rahim (1999) , bahawa punca tingkah laku bermasalah di kalangan pelajar ialah wujudnya proses "demoralizing" pelajar di dalam kelas. Demoralizing adalah proses yang meruntuhkan moral pelajar sehingga merasakan diri tidak berguna, tidak dihormati dan tidak dihargai. Guru tidak menunjukkan kesilapan dan pelajar tidak tahu membuat pembetulan. Guru juga tidak memberikan ulasan yang membina setelah menyemak tugasan pelajar. Selain itu, guru tidak melakukan pemantauan yang berkala dan konsisten ke atas hasil kerja pelajar. Justeru itu, kecaman yang sering dilemparkan oleh guru terhadap pelajar

serta memburukkan pelajar boleh membunuh motivasi dan harga diri pelajar (Ainon Mohd, 2007).

Omardin (1999), menjelaskan guru yang bersifat autokratik dan melaksanakan tugas secara kuku besi dalam mengawal disiplin bilik darjah menyebabkan pelajar tidak bebas berfikir. Pelajar menjadi pasif dan tidak berminat untuk mengikuti pelajaran yang diajar. Situasi yang tegang ini, menjadikan pelajar tidak selesa dan selamat di bilik darjah.

Selain itu, pengurusan bilik darjah yang gagal ditadbir juga menyumbang kepada ketidakberkesanan pengajaran dalam bilik darjah. Isu fizikal bilik darjah di mana keadaan bilik darjah yang mempunyai ramai pelajar dengan kelengkapan yang tidak sesuai, alat bantu mengajar yang tidak mencukupi menimbulkan ketidakselesaan dan gagal memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran sehingga menyebabkan pelajar mengambil kesempatan untuk bertingkah laku negatif seperti mengganggu, berbuat **bising** dan ponteng sekolah (Aton Long, 1980).

Pengajaran **bukan** setakat menyampaikan ilmu secara formal tetapi sebagai seorang guru, semestinya mengharapakan pelajarinya berdisiplin dengan menghormati peraturan sekolah, menunjukkan minat yang tinggi dalam pelajaran, mempunyai kesungguhan hendak maju dan sebagainya (Ibrahim Mamat, 2001). Guru sepatutnya memainkan peranan sebagai *role model*. Kadang-kadang guru melakukan perbuatan negatif tanpa disedari dan ini membawa kesan buruk dalam pembentukan sahsiah pelajar. Menurut dapatan Azizi Yahaya (2006), adanya tingkah laku negatif yang dipamerkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran guru. Antara lain, guru akan memberi kerja sekolah yang banyak tanpa disemak, guru lewat masuk kelas dan guru tidak menghormati murid.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kepimpinan dan pengurusan bilik darjah merupakan salah satu punca kepada kurangnya motivasi pelajar untuk belajar. Kegagalan guru dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan akan mengundang kebosanan, hilang minat dan memberi tekanan kepada pelajar. Bagi melepaskan diri